

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN FONG KUI LUN

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9371

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kedudukan pendatang asing dengan izin dan tanpa izin dan sejauh mana pencapaian projek pemutihan yang dilaksanakan selama ini ke atas PATI.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sehingga 30 September 2016, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merekodkan seramai 1,854,684 orang pekerja asing sah yang bekerja di Malaysia.

Manakala statistik tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang diperiksa dari tahun 2012 sehingga tahun 2015, melalui operasi penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan telah mencatatkan sebanyak 570,733 orang PATI. Daripada jumlah tersebut, seramai 185,820 orang PATI berjaya ditangkap dari tahun 2012 sehingga 2015 kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Langkah-langkah tegas yang diambil oleh KDN terhadap PATI yang telah menceroboh masuk dan masih berada dalam Negara adalah dengan mengadakan Operasi harian bersama-sama agensi kerajaan yang lain, Program 3+1 dan Program *Rehiring*.

Melalui operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan secara berterusan, seramai 38,426 orang PATI telah berjaya ditangkap dari tempoh 1 Januari 2016 sehingga 30 September 2016 kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Manakala melalui Program Serah Diri (Kompaun 3+1) yang telah dimulakan pada 22 Julai 2014 sehingga 3 Oktober 2016, seramai 323,637 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke Negara asal. PATI yang menyerah diri melalui Program ini disenarai hitamkan sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) telah dilaksanakan secara atas talian melalui portal *rehiring.imi.gov.my* bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2016 bagi PATI dari 15 buah negara sumber sedia ada.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan.

Bagi tempoh 15 Februari 2016 hingga 16 Oktober 2016 sejumlah 193,194 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah didaftarkan di bawah Program *Rehiring* meliputi 133,876 orang PATI warganegara Bangladesh, 16,693 orang PATI warganegara Indonesia, 7,214 orang PATI warganegara Myanmar dan 35,411 orang PATI lain-lain warganegara.